

## **MAKLUMAT YANG TIDAK TEPAT BERKENAAN AKTA PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI (PT&K) 2016 [AKTA 775] DAN PENGIKTIRAFAN TERHADAP KURSUS PENDISPENSAN HERBA CINA**

Baru-baru ini, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mendapati bahawa terdapat sesetengah pihak telah menyebarkan maklumat yang tidak tepat dalam media massa berkenaan Akta PT&K 2016 dan pengiktirafan terhadap kursus pendispensan herba Cina yang dianjurkan oleh pihak tertentu.

Maklumat tidak tepat yang dimaksudkan adalah:

1. Segala operasi perniagaan penjualan ubat-ubatan herba Cina adalah di bawah kawalseliaan Akta PT&K 2016.
2. Permohonan lesen perniagaan dalam bidang penjualan ubat-ubatan herba Cina memerlukan sijil profesional yang diiktiraf oleh KKM.
3. KKM mengiktiraf kursus pendispensan herba Cina yang dianjurkan oleh pihak tertentu.

Dengan ini, KKM ingin menekankan bahawa Akta PT&K 2016 mengawal selia amalan dan pengamal PT&K. Oleh itu, perlesenan dan operasi perniagaan dalam penjualan ubat-ubatan herba Cina bukan di bawah bidang kawalan Akta PT&K 2016. KKM tidak pernah mengeluarkan apa-apa perakuan professional bagi tujuan permohonan lesen untuk menjalankan perniagaan penjualan ubat-ubatan herba Cina.

Selain itu, pihak KKM ingin memaklumkan bahawa KKM tidak mengendors, menyokong, mengiktiraf sebarang kursus atau menganugerahkan sebarang kelayakan dalam PT&K pada masa kini.

Pihak KKM berharap agar orang ramai berwaspada dan tidak terpedaya dengan dakwaan palsu oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Sekiranya terdapat sebarang persoalan dan kemusykilan, orang ramai boleh berhubung dengan Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari, KKM pada talian 03-2279 8100 atau emel [tcm@moh.gov.my](mailto:tcm@moh.gov.my).